

25/04/2000

Budaya menabung mesti disemai

MINGGU Saham Amanah Malaysia yang dilancarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu, tamat semalam. Minggu berkenaan berjaya mencapai objektifnya untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada orang ramai mengenai manfaat melabur dalam saham amanah tempatan. Sempena minggu itu, Amanah Saham Malaysia (ASM) bernilai RM1 seunit dilancarkan, terbuka kepada semua warga Malaysia tanpa mengira umur.

Sepanjang tempoh kempen seminggu itu sejumlah 60,000 pengunjung melawat pameran dan promosi ASM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Sesuatu yang menggembirakan, rakyat semakin sedar faedah besar yang diterima mereka jika melabur dalam saham amanah. Walaupun beberapa hari saja dilancarkan, sehingga ini 500 juta unit ASM dapat dijual membabitkan sejumlah 78,000 pelabur.

Apa yang lebih menarik, ASM yang nilai RM1 seunit dengan saiz dana sebanyak 2 bilion itu boleh juga disertai bayi berumur enam bulan menerusi ibu bapa dan penjaganya. Apabila mereka mencapai umur 18 tahun, akaun ini dipindahkan ke akaun pelaburan baru seperti pelabur dewasa. Walaupun setakat ini belum diketahui berapa jumlah sebenar nilai pelaburan yang dibuat oleh ibu bapa untuk anak-anak kecil mereka dalam ASM, saham amanah yang baru diperkenalkan itu dijadikan satu instrumen utama menabung untuk masa depan anak-anak kita.

Seperti yang selalu diwar-warkan, budaya menabung adalah amalan penting untuk membentuk kita berjimat-cermat dalam kehidupan seharian, terutama ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi. Namun, secara umumnya amalan suka menabung di kalangan masyarakat hari ini masih belum sehati dengan jiwa mereka. Kebiasaannya masyarakat kita hanya menabung jika ada lebihan wang. Mereka tidak "memaksa" diri untuk menyimpan atau melabur secara berdikit-dikit walaupun tiada lebihan sumber kewangan mencukupi.

Justeru, amat sukar bagi kita merubah budaya ini. Anak-anak muda seperti sudah menjadi kebiasaan untuk lebih suka menghabiskan wang ringgit mereka bagi aktiviti tidak berfaedah seperti berhibur. Adalah menjadi harapan, menerusi ASM yang dibuka sejak seseorang itu bayi lagi, dapat melentur dan membentuk peribadi mereka untuk berjimat-cermat. Sesungguhnya, budaya menabung dan melabur adalah amalan mulia dan sepatutnya diberi perhatian dari usia muda. Dengan amalan inilah akan lahir masyarakat bercita-cita tinggi untuk maju ke depan atas daya usaha sendiri.

Sehubungan itu, kita berharap ibu bapa mengambil lebih inisiatif dalam membentuk diri anak mereka agar bersikap positif dalam amalan ini kerana menabung juga tunggak kecemerlangan dalam hidup berkeluarga. Anak yang baik adalah mereka yang menunjukkan sikap untuk memajukan diri sendiri dan melabur adalah salah satu daripada landasan membina diri untuk berada di puncak kejayaan.

Dengan pelaburan seperti ini juga ia dapat meringankan beban ibu bapa untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka pada masa depan. Seperti yang kita ketahui, sektor pendidikan sudah memasuki era komersil. Disebabkan ibu bapa berlumba-lumba untuk memberi sesuatu yang terbaik kepada anak-anak, mereka terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan pendidikan terbaik terutama pada peringkat pengajian tinggi. Walaupun masih ada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mengenakan bayaran setimpal, ia tidak dapat menampung kemasukan pelajar baru yang semakin meningkat setiap tahun manakala saingan pula bertambah sukar. Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula banyak menawarkan peluang melanjutkan

pelajaran, tetapi kadar bayaran yang dikenakan adalah tinggi.

Saingan dan jumlah pelajar yang semakin ramai juga menyebabkan anak-anak kita gagal untuk mendapatkan biasiswa mahupun pinjaman. Menjangkakan pelbagai kesukaran yang bakal ditempuh generasi muda kita untuk menimba ilmu, seharusnya ibu bapa beringat dan mendidik anak-anak mereka betapa pentingnya membuat pelaburan sejak kecil. Selain menjadi aset menjamin masa depan keluarga dan mengelakkan negara terlalu bergantung kepada modal asing, pelaburan dan tabungan juga adalah senjata amat berkesan memerangi inflasi. Bagi merealisasikan usaha ini, selain kesedaran rakyat, pihak terbabit terutama institusi pelaburan, insurans dan kewangan sewajarnya memikirkan insentif yang lebih menarik daripada skim sedia ada bagi menyuburkan budaya menabung dan melabur di kalangan anak-anak kita.

(END)